

"SELANGOR MAJU BERSAMA"

Surat Kami : PPAS. KPT. 100 – 2 JILID 9 ()
Tarikh : 20 Rejab 1440H
27 Mac 2019

SENARAI EDARAN ADALAH SEPerti DI LAMPIRAN

YBhg. Dato'/ YBhg. Datin Paduka/ Tuan/ Puan,

MEMOHON KERJASAMA JABATAN DAN AGENSI UNTUK MENGHEBAHKAN DAN MEMPROMOSIKAN PROGRAM PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2019 DAN SELANGOR NEGERI TAMU.

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/ YBhg. Datin Paduka/Tuan/Puan, Negeri Selangor telah dilantik sebagai "**Negeri Tamu**" bersama tujuh (7) buah agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor seperti yang telah dipersetujui oleh Y.A.B. Tuan Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor untuk program **Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019** bermula **29 Mac – 7 April 2019** di **Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)** bermula jam **10.00 pagi – 9.00 malam**.

3. Objektif utama Negeri Tamu adalah merupakan platform yang amat baik bagi mengetengahkan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam menuju Selangor *Smart State* 2025. Selain itu, ianya akan menjana ekonomi negeri Selangor dalam pelbagai bidang dengan anggaran kehadiran pengunjung antara 1.8 hingga 2 juta orang serta mempromosikan agenda dan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor.

4. Sehubungan dengan itu, pihak kami dengan rendah diri ingin memohon kerjasama untuk menghebahkan dan mempromosikan Selangor sebagai "Negeri Tamu" dan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019 kepada semua jabatan dan agensi seterusnya menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.



5. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Dato'/YBhg. Datin Paduka/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai kami En. Fadzli (012 – 2251303) atau Pn. Chempawan (019 – 3656586). Bersama ini dilampirkan juga salinan bahan promosi program berkenaan untuk rujukan pihak YBhg. Dato'/ YBhg. Datin Paduka/ Tuan/ Puan.

6. Kerjasama dan sokongan dari YBhg. Dato'/YBhg. Datin Paduka/Tuan/Puan, dalam membantu menjayakan program ini adalah amat dihargai dan untuk itu didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJAH MASTURA HAJI MUHAMAD., S.I.S.)
Pengerah
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor


Uan ker di Portal
Puljer

AMIDI BIN ABDUL MANAN
DEKAN
BHG. PEMBANGUNAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI (HEP)
UNIVERSITI SELANGOR
5-4-19